

Aripin terus berkarya lagu rakyat, jadi rujukan sarjana luar negara

- Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
- 15 Disember 2023, 8:43 am



ARIPIN Said menyanyikan lagu Angin sambil menepuk rebana ketika majlis kebudayaan di Kuantan, Pahang. - UTUSAN/ SALEHUDIN MAT RASAD

TEMERLOH: Penyanyi dan penyelidik lagu-lagu rakyat Melayu tersohor, Datuk Aripin Said terus berkarya menghasilkan album single Lagu Angin dua versi dalam satu cakera padat (CD) untuk edaran pasaran tempatan dan luar negara.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Aripin yang juga Perunding Penyelidikan dan Pembangunan Budaya Melayu Antarabangsa berkata, lagu-lagu rakyat seni warisan

kreatif begitu tinggi nilainya yang memberi gambaran struktur masyarakat zaman silam.

Tegasnya, beliau komited untuk terus kekal menerajui lagu-lagu rakyat sebagai rujukan lebih 3,000 universiti dan sarjana antarabangsa dalam bidang ethno musikologi.

“Penghasilan lagu-lagu rakyat yang membawa banyak maksud tersurat dan tersirat merupakan elemen pendidikan dan pengajaran, sindiran serta hiburan kepada masyarakat Melayu silam,” katanya di sini semalam.

Aripin berkata, lagu Angin 2 diperkenalkan dan diedarkan kepada peserta sempena program Festival Gagoh Hencang Pahang 2023 di Kuantan Sabtu lalu.

Beliau berkata, untuk versi pertama, lagu Angin diiringi rebana yang ditepuk olehnya sendiri bagi menggambarkan manifestasi hiburan rakyat pada zaman silam.

“Bagi versi kedua pula, lagu Angin 2 mendapat sentuhan Kumpulan muzik berkaliber dari Bahagian Kebudayaan Universiti Malaya (UM).

“Lagu Angin menceritakan kehebatan Empayar Melaka Pelabuhan terbesar dunia tetapi akhirnya jatuh kerana campur tangan orang luar dan sikap terlalu selesa dan tidak bersyukur.

“Hal demikian itu harus menjadi pengajaran kepada semua pihak bukan sahaja pemimpin tetapi juga rakyat jelata yang perlu rasional dan tidak mudah percaya dengan fitnah dan adu domba,” katanya.

Tegas Aripin, lagu ini mengambil interpretasi angin sebagai unsur kehidupan dan teras dalam menceritakan peristiwa yang berlaku di zaman kegemilangan Melaka.

Tambah beliau, unsur angin kekal kukuh dan gagah terus berfungsi tanpa menoleh sekali gus mengajar manusia tentang gelombang yang dibentuk oleh angin yang membawa kebaikan dan sebaliknya.

“Semangat patriotik saya turut membara kerana setiap kali membuat persembahan di luar, bendera hitam putih Pahang dan Jalur Gemilang tetap berkibar di pentas bersama alunan lagu-lagu rakyat,” katanya. – UTUSAN